Edisi **JULAI-SEPTEMBER** 2018 **Bil.3**

# Buletin PDTHS

PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR



PROGRAM MMKN

## LAWATAN KERJA MB DAN EXCO

muka surat 6

MAJLIS

### BACAAN YASSIN

anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan PDT Hulu Selangor



MUKA SURAT 3

Perhimpunan

### BULANAN BIL 4/2018



MUKA SURAT 7

Program

### JELAJAH USAHAWAN

Selangor Peringkat Daerah Hulu Selangor



MUKA SURAT 12

# SIDANG REDAKSI:

PENAUNG
**TUAN MOHD FAUZI BIN MOHD YATIM**
mohdfauzi@selangor.gov.my

PENASIHAT
**PN.DEWI DIRWANA BINTI MUNASIR**
dewidirwana@selangor.gov.my

EDITOR
**PN. NOR HAZWANI BINTI MOHD RAZALI**
hazwanirazali@selangor.gov.my

SIDANG EDITOR:
**PN. ZARIFAH BINTI MUHAMAD ZAINAL**
**EN. MUHAMMAD HAFIZ BIN MUSTAFA KAMAL**




# ISI KANDUNGAN


*FORUM KELUARGA SAKINAH, "CERAI : INGAT SENANG KE?"* — 3

*MAJLIS BACAAN YASSIN ANJURAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN PDT HULU SELANGOR* — 3

*PERHIMPUNAN BULANAN DAN HI-TEA SEMPENA KEMERDEKAAAN "SAYANGI MALAYSIAKU"* — 4

*PROGRAM SEMPENA MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR (MMKN) DI HULU SELANGOR*

- *Program MMKN Perhimpunan Pagi Bersama Penjawat Awam Daerah Hulu Selangor* — 5
- *Y.A.B DATO' MENTERI BESAR SELANGOR serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke Daerah Hulu Selangor* — 6
- *Program MMKN Solat Jumaat dan Kenduri Rakyat* — 6

*PERHIMPUNAN BULANAN BIL 4/2018* — 7

*BENGKEL PENYEDIAAN MYPORTFOLIO* — 8

*PROGRAM MAKAN MALAM SAYANGI PUSPANITAKU DAERAH HULU SELANGOR* — 9

*PERBARISAN SEMPENA MAULIDUR RASUL 1440 HIJRAH/2018 MASIHI* — 10

*SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR TAHUN 2018* — 11

*KULIAH DHUHA SANTAI BERSAMA DAÍ HIDAYU* — 11

*PROGRAM JELAJAH USAHAWAN SELANGOR PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR* — 12

*MAJLIS PENGHARGAAN ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) TAHUN 2018* — 14


www.
**selangor**.gov.my
**huluselangor.php**


**PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR**
Jalan Bukit Kerajaan, 44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-60641026 | Faks : 03-60641160
Email : pdhs@selangor.gov.my

https://twitter.com/pdths
https://www.facebook.com/pdt.huluselangor.5

# FORUM KELUARGA SAKINAH
## "CERAI : INGAT SENANG KE?"






FORUM KELUARGA SAKINAH
CERAI : INGAT SENANG KE?

TARIKH : 15 Ogos 2018
HARI : Rabu
MASA : 8.00 pg - 12.00 tgh
TEMPAT : Dewan Serbaguna & Kompleks Sukan Kuala Kubu Bharu

- Isu Keganasan Rumah Tangga
  Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Selangor
- Forum Keluarga Sakinah
  "Cerai : Ingat Senang Ke?"

Moderator
Ustaz Zulkhairi B. Jaid
Pegawai Hal Ehwal Islam
Unit Undang - Undang Keluarga
Kompleks Islam Daerah Gombak

Panel 1
Puan Suzana Bt. Ghazali
Perunding Psikologi Keluarga & Guaman Syarie
Bina Bahagia Services

Panel 2
Tuan Muhamad Hisyam B. Zakaria
Pendakwa, Jabatan Pendakwa Syariah
Wilayah Persekutuan



# MAJLIS BACAAN YASSIN
## ANJURAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN PDT HULU SELANGOR



**17 Ogos 2018 (Jumaat)**
**SURAU AR-RAUDHAH, PDTHS**

Majlis Bacaan Yassin Anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor telah diadakan di Surau Ar-Raudhah, PDTHS. Majlis ini telah diketuai oleh Penghulu Mukim Kalumpang, En. Mohammad Zaim Bin Mohaimin.



# PERHIMPUNAN BULANAN SIRI 3/2018 DAN HI-TEA "SAYANGI MALAYSIAKU"








**21 September 2018**: Perhimpunan Bulanan Siri 3 Tahun 2018 yang diadakan pada kali ini memberi sedikit kelainan di mana perhimpunan diadakan bersekali dengan Majlis Hi-Tea Sayangi Malaysiaku dan sambutan Hari Malaysia (16 September 2018) bagi menyuntik semangat kemerdekaan dan rasa sayang serta cintakan Negara Malaysia.

Perhimpunan bulanan kali ini diselitkan dengan pertandingan di antara unit-unit/ bahagian dalam pertandingan deklamasi sajak dan merdeka stailista di mana tujuan pertandingan ini adalah bagi mengimbau memori zaman sebelum kemerdekaan sehingga kini. Selain itu, mengingatkan kepada semua erti sebuah pengorbanan untuk mencapai kemerdekaan sebagai sebuah negara yang bebas daripada penjajah, aman dan maju.

Dengan pertandingan yang diadakan ini secara tidak langsung memberi ruang dan peluang kepada semua untuk mempersembahkan bakat-bakat yang terpendam selama ini. Pemenang- pemenang pertandingan membawa pulang wang tunai untuk unit dan bahagian masing-masing. Berikut adalah pemenang pertandingan :

Pertandingan Deklamasi Sajak

1) Bahagian Pembangunan
2) Bahagian Khidmat Pengurusan
3) Unit Hasil
4) Unit Penguatkuasaan
5) Unit Teknikal
6) Unit Pendaftaran
7) Unit Tanah

Pertandingan Stailista

1) Unit Hasil
2) Bahagian Pembangunan
3) Unit Tanah
4) Bahagian Khidmat Pengurusan
5) Unit Teknikal
6) Unit Penguatkuasaan
7) Unit Pendaftaran

Kemuncak majlis diakhiri dengan persembahan dari Kumpulan Koir Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Selangor dengan nyanyian lagu Jalur Gemilang sambil mengebarkan bendera Malaysia (Jalur Gemillang). Turut dimeriahkan lagi apabila Tuan Pegawai Daerah, Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, para pegawai dan semua kakitangan yang berada di dalam dewan menyanyi serta mengebarkan Jalur Gemilang bersama-sama.

MAJLIS

# MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR (MMKN)

## DAN PROGRAM TURUN PADANG

**Hulu Selangor :** Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan Program Turun Padang Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor Serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke Daerah Hulu Selangor diadakan pada 28 September 2018 (Jumaat). Program sehari bersama Y.B Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN) berlangsung di sekitar kawasan Kuala Kubu Baharu dan Bukit Beruntung.

Program dimulakan dengan perhimpunan dan sarapan pagi Y.B AMMKN bersama penjawat awam daerah di Dewan Serbaguna & Kompleks Sukan Daerah Hulu Selangor. Program utama diteruskan dengan Mesyuarat MMKN di Bilik Mesyuarat Seri Kubu, Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Selangor. Seterusnya **(sambung di muka surat 6)**



*Program MMKN*
***Perhimpunan Pagi***
*Bersama Penjawat Awam Daerah Hulu Selangor*



PROGRAM SEMPENA MAJLIS

# MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR (MMKN)

DI HULU SELANGOR (sambungan)

Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor Serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menunaikan Solat Jumaat dan kenduri bersama rakyat di Masjid Jamek Ar Rahimah, Kuala Kubu Baharu. Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor juga menyampaikan sumbangan kepada masjid dan surau selain daripada membuat perasmian Bas Smart Selangor.

Program sehari Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor Serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Daerah Hulu Selangor diakhiri dengan lawatan ke Santuari Ikan Sungai Chiling, Kuala Kubu Baharu. Lawatan projek pembesaran Kampung Melayu Rasa Ampang Pecah, Kuala Kubu Baharu dan Isu Jalan, Missing Link serta Brownfield di Bukit Beruntung.



Buletin PDTHS
PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR

## Y.A.B DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

*serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke Daerah Hulu Selangor*














Edisi JULAI - SEPTEMBER 2018
Bil.3

Program MMKN

## Solat Jumaat dan Kenduri Rakyat












# PERHIMPUNAN
# BULANAN BIL 4/2018

Unit Pendaftaran
31 Oktober 2018





# BENGKEL PENYEDIAAN MYPORTFOLIO



**7 hingga 8 November 2018 :** Pelaksanaan myPortfolio dalam sesebuah organisasiboleh menjadi bukti kepada pematuhan peraturan dan proses kerja yang ditetapkan. Kegagalan mematuhi arahan pelaksanaan myPortfolio boleh memberikan kesan terhadap kecekapan serta prestasi agensi Kerajaan dan penjawat awam dalam mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Sebagai contoh, myPortfolio boleh digunakan sebagai sebahagian daripada maklumat didokumentasikan di bawah keperluan MS ISO 9001. Dalam erti kata lain, myPortfolio merupakan elemen yang menyumbang kepada Sistem Pengurusan Kualiti. Justeru, pelaksanaan myPortfolio turut berupaya menyumbang kepada pembudayaan kecemerlangan, penambahbaikan kualiti penyampaian perkhidmatan, peningkatan prestasi dan pemerkasaan akauntabiliti agensi Kerajaan secara berterusan.



# PROGRAM MAKAN MALAM
# "SAYANGI PUSPANITAKu"
# DAERAH HULU SELANGOR




PUSPANITA Daerah Hulu Selangor akan mengadakan Majlis Makan Malam ***"Sayangi PUSPANITAKu"*** seperti ketetapan berikut:

Tarikh
10 November 2018 (Sabtu)

Tempat
Awana, Genting Highlands





# PERBARISAN SEMPENA **MAULIDUR RASUL** 1440 HIJRAH/2018 MASIHI

Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor.

## ”Menyantuni Umat,Membawa Rahmat”

Selawat dan salam buat Nabi junjungan kita MUHAMMAD S.A.W.

> “Sesungguhnya Orang Yang Paling Dekat Denganku Pada Hari Kiamat Adalah Orang Yang Paling Banyak Berselawat Kepadaku”
> **(Al-Nasai & Ibnu Hibban).**












# SAMBUTAN **HARI INTEGRITI** PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR TAHUN 2018

| | | |
|---|---|---|
| Anjuran | : | Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) |
| Tarikh | : | 22 November 2018 (Khamis) |
| Masa | : | 2.30 Ptg – 5.00 Ptg |
| Tempat | : | Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Daerah Hulu Selangor |



**ATURCARA PROGRAM**

| | |
|---|---|
| 2.30 ptg | Pendaftaran/Ketibaan Peserta Jemputan |
| 3.00 ptg | Ketibaan YBhg Tuan Pegawai Daerah/Tanah Hulu Selangor |
| 3.10 ptg | Bacaan Doa<br>Ucapan Amanat Integriti<br><br>Disampaikan Oleh:<br>**Tuan Mohd Fauzi Bin Mohd Yatim**<br>Pegawai Daerah/Tanah Hulu Selangor<br><br>Bacaan Ikrar<br>Penyampaian Sajak Integriti |
| 3.30 ptg | Bicara Integriti : " Integriti DiHayati, Bukan DiKhianati "<br>Ahli Panel :<br>**YBrs Dr. A. Bakar Sarpon**<br>Ketua Pegawai Operasi TV Al-HIjrah<br><br>Moderator:<br>**Tuan Haji Hamilye Sham Harun**<br>Pengarah & Ketua Penyelaras Program Pemantauan dan Penilaian Institut Integriti Malaysia |
| 5.00 ptg | Penyampaian Cenderahati<br>Bersurai |

# KULIAH **DHUHA SANTAI** BERSAMA DAÍ HIDAYU






# PROGRAM
# JELAJAH USAHAWAN SELANGOR
## PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR

















Jelajah Usahawan Selangor (JUS) 2018, Hulu Selangor. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sempena Program Jelajah Usahawan Selangor (JUS) . Antaranya ialah :

- Taklimat dari Agensi Kerajaan dan Swasta
- Slot Zero to Hero oleh Usahawan berjaya.
- Sesi Talk Selebriti Usahawan bersama Yana Samsudin
- Persembahan artis Aiman Tino
- Forum Perdana Maulidur Rasul
- Pertandingan Mewarna, Gubahan dan Masakan
- Sesi bersama Transformers dan Clown.
- Senamrobik
- Pelbagai jenis jualan dan pameran serta Food Truck.
- Hadiah Cabutan bertuah yang sangat menarik.
- 400 pengunjung awal akan menerima goodies beg.






























MAJLIS PENGHARGAAN

# ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) TAHUN 2018



**07 Disember 2018 :** Majlis Penghargaan Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Tahun 2018 diadakan di Dewan Serbaguna & Kompleks Sukan Daerah Hulu Selangor bagi mengingati dan menghargai sumbangan serta komitmen semua pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung semasa panel penilaian audit dijalankan pada 24 April 2018

Dengan kesungguhan dan komitmen semua pegawai yang dipertanggungjawabkan mengikut kriteria yang telah ditetapkan, Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Selangor telah berjaya memenangi tempat ketiga bagi kategori Pejabat Daerah/ Tanah dalam Audit Penilaian Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) dengan menerima wang tunai bernilai RM 5,000.00, Sijil APPC dan sebuah trofi.

Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin dan pembakar semangat kepada semua warga kerja Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Selangor untuk menempa kejayaan- kejayaan lain di masa akan datang.




AHLI KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR
SELANGOR
4003
Kaunter 6
4002
2009
5010
PIAGAM PELANGGAN
UNIT HASIL
PIAGAM PELANGGAN UNIT HASIL
VISI
MISI
CARTA ORGANISASI
PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR
'BAIK'
Berdisiplin
Akauntabiliti
Intergriti
Kerja Berpasukan




**PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR**
44000 Jalan Bukit Kerajaan, Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-60641026 I Faks : 03-60641160
Email : pdhs@selangor.gov.my

selangorku